

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penurunan kadar peruntukan pembangunan tahunan kepada Kementerian mengikut angka laporan-laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan disediakan mengikut siling bagi setiap Rancangan Malaysia (RMK) yang dibentangkan di Parlimen setiap tempoh 5 tahun. Siling perbelanjaan pembangunan bagi tempoh RMK-10 (2011-2015) berjumlah RM230 bilion. Bagi tempoh 2011-2013, perbelanjaan pembangunan

adalah berjumlah RM138.4 bilion yang mewakili 60.2% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan RMK-10. Oleh itu, baki peruntukan bagi tempoh 2014-2015 adalah berjumlah RM91.6 bilion atau 39.8% daripada jumlah peruntukan. Ini bermakna sebahagian besar peruntukan telah dibelanjakan sepanjang 3 tahun pertama RMK-10.

Oleh itu, penurunan kadar peruntukan pembangunan bagi kementerian berlaku pada penghujung tempoh RMK disebabkan sebahagian besar peruntukan telah disalurkan dan dibelanjakan oleh kementerian pada awal tempoh 3 tahun pertama RMK dan bukannya pengurangan peruntukan oleh Kerajaan.